

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SBP 310 - Kaedah Penyelidikan Pembangunan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan, dari soalan-solan berikut.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan monisme atau perpaduan kaedah saintifik dalam penyelidikan?

(100 Markah)

2. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan mestilah boleh dipercayai ("reliable"), data mestilah sahih ("valid") dan penemuan harus boleh diperlazimkan ("generalizable"). Terangkan konsep-konsep di atas dengan memberi contoh-contoh yang jelas.

(100 Markah)

3. Penggunaan sumber-sumber arkib dan perangkaan rasmi adalah satu kaedah yang tidak menonjol ("unobtrusive"). Apakah faedah dan kekurangan dalam kaedah seperti ini?

(100 Markah)

4. Konsep Petunjuk Sosial dalam perancangan pembangunan telah dimajukan oleh ahli-ahli developmentalis untuk mencapai beberapa tujuan. Bincangkan.

(100 Markah)

5. Penyelidikan Penyertaan adalah juga kaedah pembangunan sosial. Bagaimanakah kaedah ini cuba menyatukan penyelidikan dan tindakan sosial? Ia mencabar prinsip saintifik seperti objektiviti dan bebas nilai dalam penyelidikan. Bagaimana ini dijustifikasikan oleh pemaaju ("advocate") kaedah ini?

(100 Markah)